

UiTM terokai aktiviti keusahawanan berimpak tinggi

B4 ms 10 29/08/2019

Shah Alam: Fakulti Sains Gunung (FSG), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam komited menggalakkan penerokaan bidang keusahawanan dalam kalangan warganya melalui aktiviti perniagaan berimpak tinggi.

Dekannya. Prof Dr Farida Zuraina Mohd Yusof, berkata usaha murni itu diterjemahkan dengan kerjasama yang dijalin dengan pelbagai pihak terutama pemain industri dan syarikat tempatan.

Beliau berkata, sebagai contoh, program 'FSG Masyuk' berjaya mengumpulkan beberapa usahawan FSG terdiri daripada Dr

Khairul Adzfar Radzun, Dr Aida Firdaus Muhammad Nurul Azmi dan Prof Madya Dr Rahmah Mohamed yang mengetengahkan perniagaan masing-masing.

"Pada akhir tahun lalu, Dr Khairul Adzfa bersama-sama rakan niaganya menubuhkan syarikat Wisdom Creation Industries Sdn Bhd untuk menghasilkan produk dinamakan *Way-Gy Vitagreen Butter Cream Biscuit*."

"Biskut ini menggunakan serbuk Vitagreen unik yang dihasilkan daripada biomas dan klorofil alga yang tinggi protein, vitamin dan mineral melalui penyelidikan dijalankan.

"Produk *Una Coffee* pula diba-

ngunkan Dr Aida di mana ia produk pertama hasil usaha beliau memformulasi kopi untuk membekalkan tenaga berasaskan protein, malah aktiviti jualan dipasarkan ke seluruh cawangan UiTM seluruh negara," katanya kepada *BH Varsiti*.

Mengulas lanjut, Prof Farida berkata, bagi menyahut seruan ke arah teknologi hijau, produk plastik terbiodegradasi dibangunkan oleh Prof Madya Dr Rahmah dengan kerjasama syarikat Livecube Sdn Bhd, yang mana produk mesra alam itu mampu mengurangkan pencemaran hasil aktiviti plastik tidak terbiodegradasi.



Naib Canselor UiTM, Prof Dr Mohd Azraai Kassim (tengah) dan Prof Dr Farida (kiri) pada majlis menandatangani MoU dengan syarikat Livecube Global Sdn Bhd.

"Projek keusahawanan penyelidik FSG ini sedia menerima tempahan dan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) mahupun institusi pengajian tinggi (IPT).

"Produk ini dijangka digunakan di kebanyakan kampus cawangan seluruh UiTM dengan kapasiti penghasilan yang tinggi bersama-sama kerjasama strategik dengan rakan industri," katanya.